



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

(www.mbpp.gov.my)

PENYEWAAN PREMIS MAJLIS D-08, LEBUH CINTRA, PULAU PINANG



HARGA REZAB : RM 740.00 SEBULAN

KELUASAN : 413 kaki persegi

KEGUNAAN : KEDAI

TARIKH IKLAN : 20 Disember 2021 (Hari Isnin)

TARIKH TUTUP : 3 Januari 2022 (Hari Isnin)

JAM : 11:00 Pagi

Bagi sesiapa yang berminat untuk menyewa premis-premis Majlis di atas, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut untuk borang permohonan dan maklumat lanjut :-

Puan Salliza / Cik Nur Zalifah/ En. Zaheed
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Bahagian Pengurusan Harta
Tingkat 12, Komtar
10675, George Town, Pulau Pinang
Tel : 04-2592105/2592107/019-4410864

PENYEWAAN KEDAI MAJLIS NO. D-08, LEBUH CINTRA
PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai premis (kedai) di tingkat bawah Perumahan Awam Lebuah Cintra untuk disewakan di alamat No. D-08, Lebuah Cintra, Pulau Pinang dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida penyewaan premis tersebut.

2 SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh sewaan : 3 tahun sahaja;
- ii. Keluasan : 413 k.p
- iii. Penyewa perlu membayar sewa 1 bulan secara pendahuluan dan deposit bersamaan sewaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MBPP;
- iv. Aktiviti : Kedai sahaja;
- v. Penyewaan adalah berdasarkan kepada 'as is where is basis' dan segala kerja pembaikan akan ditanggung oleh penyewa sendiri;
- vi. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran/ bidaan ini adalah RM740.00 sebulan.

3 SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada individu dan syarikat perniagaan (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula bidaan : 20 Disember 2021
- iii. Tarikh lawatan tapak : 21 Disember 2021 (Tidak Wajib)
- iv. Tarikh tutup bidaan : 3 Januari 2022
- v. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk bank deraf atau cek dengan amaun yang bersamaan dengan 1 bulan sewaan kos bidaan.
- vi. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MBPP atau menolak tawaran Majlis, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilesapkan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MBPP.

- vii. Pembida yang berminat boleh memperolehi Borang Permohonan di :-
- a) Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 4.00 petang.
 - b) Laman web MBPP (www.mbpp.gov.my)
 - c) Email kepada salliza@mbpp.gov.my untuk permohonan borang bidaan.
- viii. Borang yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan 'Penyewaan Premis Majlis D-08, Lebuhraya Cintra, Pulau Pinang'. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Pulau Pinang.
- ix. Dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4, pembida dikehendaki membuat janji temu melalui itemu.mbpp.gov.my dalam tempoh 2 hari sebelum untuk mendapatkan borang permohonan dan menghantar borang atau menghubungi di talian no. 04-2592105/ 2592107/ 019-4410864.
- x. Pihak MBPP akan membuka premis Majlis ini untuk lawat periksa pada 21 Disember 2021 dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi.
- xi. MBPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan Majlis akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- xii. Keputusan pihak MBPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN KEDAI MAJLIS NO. D-08, LEBUH CINTRA
PULAU PINANG

Syarat-syarat Penyewaan

1. Bangunan berkenaan akan digunakan untuk tujuan Kedai sahaja.
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun.
3. Tapak akan disewakan mengikut sedianya ('as is where is basis').
4. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan Majlis.
5. Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian/tambahan struktur di atas bangunan tersebut kecuali mendapat kebenaran pihak MBPP terlebih dahulu.
6. Penyewa dikehendaki mengambil polisi perlindungan yang melindungi MBPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku.
7. Sebarang kerosakan akibat pemasangan peralatan ini akan ditanggungjawab sepenuhnya oleh penyewa.
8. Segala penyambungan bekalan elektrik, air dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MBPP.
9. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan bangunan dalam keadaan asal dengan persetujuan MBPP.
10. MBPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarik balik kelulusan penyewaan bangunan sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MBPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi.

BORANG BIDAAN

PENYEWAAN KEDAI MAJLIS NO. D-08, LEBUH CINTRA
PULAU PINANG

Saya _____

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak Individu/Syarikat _____

(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk menyewa kedai Majlis D-08, Lebuhraya, Pulau Pinang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan :-

Ringgit Malaysia _____ sahaja
(RM _____ sebulan) dan bercadang menggunakan bangunan ini untuk tujuan (sebutkan kegunaan) _____.

Dilampirkan bersama-sama ini derah bank atau cek bertarikh _____ dan bernombor _____ bernilai RM _____ sebagai bayaran bidaan (bersamaan 1 bulan kadar sewa) kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

(Husuf Bazar)

.....

No. H/phone No. Fax :

Dieck Termeer:

h. Pengaruh Perilaku 8 Pengukuran Harian